



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

Kereta bawa minyak masak seludup masuk tali air

Pasir Mas: Seorang lelaki gagal melarikan diri daripada pihak berkuasa apabila kereta dipandunya yang membawa 834 kilogram minyak masak bernilai RM2,085 dipercayai untuk diseludup, terbabas ke dalam tali air di Kampung Slow Machang, di sini, kelmarin.

Ketua Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas, Suhaimi Abas, berkata dalam kejadian jam 2.30 petang itu, anggotanya bersama anggota Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Tumpat, sedang membuat rondaan di lokasi terbabit selepas menerima maklumat awam.

Katanya, sebaik melalui jalan sempit menyusuri tali air, pasukan berkenaan bertembung sebuah PROTON Saga berwarna merah dalam keadaan mencurigakan sebelum pemandunya bertindak mengundurkan kereta itu sejauh enam meter, tetapi terus ke dalam tali air terbabit.

"Anggota pihak berkuasa kemudian membantu suspek be-

rusia 28 tahun itu dan membawa naik minyak masak yang diletakkan di bahagian belakang kereta, dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

"Modus operandi adalah suspek diupah membawa barang kawalan ke pangkalan haram di sekitar Sungai Golok dengan kenderaan persendirian bagi mengaburi pihak berkuasa. Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas bagi siasatan dan tindakan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Hasil siasatan juga mendapati ini kali pertama suspek ditangkap kerana kegiatan penyeludupan. KPDNHEP Pasir Mas memberi amaran dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap sesiapa sahaja yang melakukan penyelewengan terutama berhubung barang kawalan," katanya.

Beliau berkata, agensi penguatkuasaan sempadan sentiasa bekerjasama dari semasa ke semasa bagi memastikan kegiatan penyeludupan barang



Minyak masak seludup diselamatkan pihak berkuasa selepas kenderaan dipandu suspek terjatuh dalam tali air di Kampung Slow Machang, kelmarin.
Foto ihsan KPDNHEP

Upah RM30 untuk satu hala

Lelaki dicekup seludup minyak masak

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS

Padah menimpa seorang lelaki apabila dicekup selepas mengambil upah RM30 untuk satu hala bagi menyeludup minyak masak paket bersubsidi ke negara jiran pada Selasa.

Lelaki berusia 28 tahun itu dicekup anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Pasir Mas dalam Op Benteng Covid-19 bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor di Kampung Slow Machang di sini.

Dalam kejadian pada jam 2.30 petang itu, suspek yang cuba melarikan diri itu bertindak mengundurkan kereta selepas terkejut melihat kehadiran anggota penguat kuasa.



Anggota penguat kuasa KPDNHEP merampas minyak masak paket bersubsidi seberat 834kg yang cuba diseludup ke negara jiran.



Cubaan suspek melarikan diri gagal selepas kereta dipandunya terjunam ke tali air di Kampung Slow Machang, Pasir Mas ketika melarikan diri daripada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, malang menimpa suspek apabila kereta yang dipandunya terjunam ke dalam tali air ketika sedang mengundur untuk melarikan diri.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Cawangan Pasir Mas, Suhaimi Abas berkata, penahanan suspek membawa kepada rampasan minyak masak paket bersubsidi seberat 834 kilogram bernilai RM2,085.

"Nilai keseluruhan rampas-

an termasuk kenderaan yang disyaki digunakan untuk kegiatan haram itu dianggarkan berjumlah RM6,085," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati suspek menggunakan kenderaan sendiri bertujuan mengaburi mata anggota penguat kuasa.

Suhaimi berkata, kesemua barangan seludup itu akan dibawa ke pangkalan haram di Sungai Golok sebelum diseludup ke negara jiran menggunakan laluan tikus.

"Kita sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan individu sebenar di sebalik kegiatan ini.

"KPDNHEP Cawangan Pasir Mas memberi amaran dan akan mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap sesi-

apa sahaja yang melakukan penyelewengan terutama membabitkan barang kawalan," katanya.

Menurutnya, kerjasama antara agensi penguatkuasaan sempadan sentiasa dilakukan dari masa ke masa bagi memastikan aktiviti menyeludup ke negara jiran dapat dibanteras.

Katanya, hal ini bagi memastikan pengguna dapat menikmati subsidi yang dibekalkan kerajaan.

Kereta penyeludup minyak masak masuk tali air

PASIR MAS – Sebuah kereta dipandu lelaki dipercayai anggota sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi terjunam ke dalam tali air ketika cuba meloloskan diri di Kampung Slow Machang di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 2.30 petang itu, Proton Saga yang dipandu suspek berusia 28 tahun tersebut ditahan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pasir Mas dan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Pasir Mas, Suhaimi Abas berkata, ketika ditahan, suspek mengundurkan kenderaannya dipercayai cuba melarikan diri.

"Dalam cubaan meloloskan diri, kereta yang dipandu lelaki itu terjunam ke dalam tali air ber-



ANGGOTA KPDNHEP dan PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor memeriksa minyak masak dipercayai cuba diseludup ke negara jiran.

hampiran kawasan itu.

"Suspek berjaya ditahan dan pemeriksaan terhadap kereta itu membawa kepada penemuan 834 kilogram (kg) minyak masak

bersubsidi bernilai RM2,085," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut Suhaimi, siasatan awal mendapati suspek me-



ANGGOTA polis mengawal lokasi kejadian Proton Saga yang terjunam ke dalam tali air di Kampung Slow Machang, Pasir Mas kelmarin.

nerima upah RM30 bagi setiap perjalanan membawa minyak masak paket itu untuk diseludup melalui pangkalan haram ke negara jiran.

Pemeriksaan mendapati suspek menggunakan kereta persendirian bagi mengaburi

mata anggota penguat kuasa.

"Siasatan lanjut akan diteruskan bagi mengesan dalang sebenar di sebalik kegiatan penyeludupan barangan bersubsidi tersebut," katanya.

Kes tersebut disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Bid to smuggle 834kg of cooking oil foiled, man held

PASIR MAS: A 28-year-old man was arrested for possession of 834kg of cooking oil, which he tried to smuggle into Thailand, soon after his car plunged into an irrigation canal. The suspect tried to escape after crashing his car on Tuesday. Pasir Mas Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement officer chief Suhaimi Abas said the suspect was detained in Kampung S'low Machang near here in a joint operation between the ministry and the marine police. "The team spotted the suspect's car when it passed the area around 2.30pm and decided to stop the vehicle. However, the driver tried to escape by reversing the car. However, he failed to control the car and it plunged into the canal. The team then arrested the suspect," said Suhaimi.